



Nama	:	NUR ANIS AQILAH BINTI MOHD LIMY
Jabatan	:	PENGURUSAN PENGETAHUAN
Ext	:	680
Nama Buku	:	MENJEMPUT REZEKI DENGAN SOLAT DHUHA
Tempat Terbitan	:	TAMAN SRI BATU CAVES, BATU CAVES SELANGOR
Penerbit	:	MUST READ SDN BHD
Jumlah Muka Surat	:	129
Tahun Terbitan	:	2015
Sasaran Umur	:	7 Tahun keatas
Komen Fizikal	:	Ringan dan kecil, menggunakan kertas jenis biasa white paper
Elemen Biblioterapi	:	SPIRITUAL
Positif	:	Menceritakan kepentingan solat dhuha dan kebaikan-kebaikan yang diperolehi umat islam apabila mengerjakannya. Kebaikan dan ganjaran mengerjakan solat dhuha didalam buku ini diceritakan dengan lebih terperinci.
Negatif	:	TIADA
Kelebihan	:	Tip menjaga solat dhuha dan cara menunaikan solat dhuha dengan betul
Luahan Rasa	:	Manusia selalu alpa tentang kepentingan menjaga solat kerana leka tentang perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat. Maklum sahaja banyak penunggang agama yang wujud di akhir zaman ini yang merasa dirinya maksum suka memetik butang agama tanpa sebab yang rasional. Sedangkan solat fardhu lima waktu itu pun di ambil mudah dan ditunaikan seperti coffee 3 dalam 1 dalam masa kurang dari 5 minit! Mengenai solat dhuha kebbaikannya sangat banyak terutama berkaitan soal rezeki. Sebagai manusia kita hanya iktihar, usaha, tawakal dan tawaduk kepada Allah SWT selebihnya berserah kepadaNYA. Janganlah kita sebagai majikan menjadi penghalang untuk pekerja mengerjakannya solat dhuha ini kerana banyak pahala dan doa yang akan diangkat InsyaAllah. Sikap majikan yang tidak cakna ini seperti tidak ubah seperti Israel laknatullah.

Sinopsis

Menjemput Rezeki dengan Solat Dhuha memaparkan kepentingan menunaikan solat sunat itu dalam memberi ganjaran kepada sesiapa yang mengerjakannya. Ramai individu yang memandang remeh serta mengabaikan ibadat sunat yang satu ini dengan alasan sibuk bekerja dan lain-lain. Padahal, Pelaksanaan ibadat tersebut mempunyai banyak pahala dan fadhilat disebaliknya Dengan hanya dua rakaat sahaja, kita mudah mendapat rezeki daripada Allah SWT. Antara topik yang dikupas adalah, Benarkah solat dhuha lebih mulia daripada harta rampasan perang Allah ? Benarkah solat menggantikan sedekah? Adakah Rezeki yang diperolehi tanpa usaha diklasifikasikan sebagai rezeki kurniaan Allah SWT? Disamping itu buku ini mengandungi doa dan zikir yang boleh diamalkan oleh semua pembaca agar dipermudahkan rezeki.

